

## **TUGU NUNUK RAGANG, RANAU: SIMBOL BUDAYA DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT DUSUN**

*Nunuk Ragang Monument, Ranau: The Symbol of Culture and Beliefs of Dusun Community*

**Johnnatan Jolius<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

<sup>1</sup>*johnnatanjolius53@gmail.com*

*Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023*

### **Abstrak**

Nunuk Ragang merupakan salah satu tugu penting bagi masyarakat Kadazandusun. Tugu ini menjadi simbolik dan warisan kebudayaan yang penting dalam menjelaskan asal usul masyarakat Kadazandusun daripada perspektif masyarakat ini. Walaupun, tidak terdapat sebarang bukti yang jelas memperlihatkan wujudnya penempatan awal manusia di sekitar kawasan ini namun, tugu ini menjadi sesuatu signifikan kepada masyarakat Kadazandusun. Hai ini dikatakan demikian kerana sebahagian besar masyarakat ini masih mengakui bahawa tugu ini merupakan salah satu asas kepada asal usul dan simbolik penyatuan masyarakat Kadazandusun di Sabah. Kajian ini mengupas tentang konseptual masyarakat Kadazandusun, teori kedatangan masyarakat KadazanDusun, potensi tapak Nunuk Ragang. Disamping itu, kajian ini akan menghuraikan isu dan cabaran yang dihadapi oleh tapak ini; akhir sekali kajian mengetengahkan langkah perlindungan yang dapat diimplementasikan bagi menjaga tapak ini. Pendekatan kualitatif digunakan sepenuhnya dalam melaksanakan kajian khususnya sumber sekunder untuk menjayakan kajian ini.

**Kata Kunci:** Nunuk Ragang, Kadazandusun, Simbol, Budaya

### **Abstract**

*Nunuk Ragang is one of the important monuments for the Kadazandusun community. This monument is a symbolic and an important cultural heritage in explaining the origin of the Kadazandusun community from the perspective of this society. Although, there is no clear evidence that there was an early human settlement around the area, this monument is still significant to the Kadazandusun community. Most of the community still acknowledge that this monument is one of the foundations of the origin and symbolic unification of the Kadazandusun community in Sabah. This study discusses about the conceptual of the Kadazandusun community, the theory of arrival of the KadazanDusun community, the potential of the Nunuk Ragang site. In addition, this study will elaborate on the issues and challenges faced by the site; Finally, the study highlights the protective measures that can be implemented to safeguard the site. The qualitative approach is fully utilised in conducting this studies by using secondary sources to ensure the success of the study.*

**Keywords:** *Nunuk Ragang, Kadazandusun, Symbol, Culture*

### **Pengenalan**

Daerah Ranau terletak di antara garisan lintang (Latitude)  $5^{\circ} 30'$  U dan  $6^{\circ} 25'$  U dan garisan bujur (Longitude)  $116^{\circ} 30'$  dan  $117^{\circ} 5'$  T dan berkeluasan 3555.9 km persegi. Daerah ini juga dikelilingi oleh tujuh buah daerah yang lain merangkumi daerah Tambunan, Keningau, Telupid, Beluran, Tuaran, Kota Marudu dan Kota Belud. Daerah Ranau merupakan sebuah kawasan yang berbukit-bukau. Hal ini dapat dilihat melalui kedudukannya yang dikelilingi oleh Banjaran Crocker iaitu banjaran yang menempatkan beberapa gunung yang tinggi khususnya Gunung Kinabalu.

Penduduk di daerah Ranau majoritinya merupakan kaum Dusun dengan beberapa pecahan sub etnik seperti Dusun Liwan, Dusun Tinagas, Dusun Bundu, Dusun Talantang, Dusun Tagahas, Sungai dan Tombonuo (Low & Steffi, 2019: 135) Sesetengah penduduk dan masyarakat Dusun di daerah ini percaya bahawa masyarakat Dusun berasal daripada Sungai Labuk sebelum tiba di Nunuk Ragang untuk membina satu petempatan yang baharu. Sehingga hari ini, kepercayaan bahawa nenek moyang bagi masyarakat Dusun datang daripada Nunuk Ragang ini masih lagi diperkatakan.

Tapak Nunuk Ragang merupakan sebuah tapak yang terletak di daerah Ranau iaitu berhampiran dengan Kampung Tampias. Tapak ini dipercayai sebagai petempatan awal masyarakat Kadazandusun. Oleh itu, tapak ini mempunyai signifikan dalam memerihalkan asal usul masyarakat Kadazandusun. Artikel ini bertujuan untuk mengangkat tapak warisan yang berada di Sabah khususnya tugu Nunuk Ragang dan seterusnya mempromosi tapak ini bagi tujuan pelancongan. Hal ini bukan sahaja akan membuka peluang untuk mengembangkan pengetahuan masyarakat tempatan dan luar negara mengenai tapak warisan tersebut malah mampu membantu mengukuhkan ekonomi negeri Sabah melalui kegiatan pelancongan warisan

### **Konsep Masyarakat Kadazandusun**

Istilah atau terma Kadazandusun merupakan gabungan dua kata iaitu Kadazan dan Dusun. Istilah Dusun pada awalnya digunakan oleh Barat dan Melayu untuk merujuk kepada masyarakat yang tinggal di pesisir pantai dan pedalaman (Suraya, 2003: 60). Istilah Kadazan pula dipercayai muncul daripada beberapa kata lain seperti kakadazan (bandar) iaitu dipetik daripada dialek Tangaa dan kedaian (kedai) daripada bahasa Melayu. Melalui tulisan Owen Rutter, dijelaskan bahawa kumpulan yang mendiamai kawasan Pantai Barat Utara digelar sebagai orang Tindal manakala kumpulan yang mendiami Pantai Barat khususnya Papar

disebut sebagai Kadazan (Rutter, 1929: 31). Dalam hal ini, Oleh itu, berdasarkan kepada pendefinisian dan pandangan tersebut, dapat dikatakan bahawa Kadazan merujuk kepada orang yang tinggal di kawasan bandar atau kedai manakala Dusun merujuk kepada mereka yang mendiami kawasan pedalaman. Kadazan signifikan dengan daerah Penampang dan Papar manakala Dusun berfokus di Tambunan dan Ranau (John, 1996: 14).

Polemik mengenai pendefinisian Kadazandusun pernah menimbulkan isu etnisiti dalam kalangan pemain politik. Mereka menginginkan hanya satu saja istilah yang digunakan sama ada ‘Kadazan’ atau ‘Dusun’. Polemik tentang isu ini dapat dilihat melalui perdebatan antara Donald Stephen atau Tun Fuad Stephen yang mahu menggunakan istilah Kadazan manakala Datuk Ghani Gilong mahu istilah ‘Dusun’ diangkat. Perdebatan tentang isu atau polemik ini telah berlangsung selama 30 tahun. Perdebatan ini dipercayai timbul ekoran tindakan tindakan Donald Stephen dan Mathius Majihi iaitu seorang paderi Kristian yang bersetuju bahawa istilah ‘Dusun’ merujuk kepada kemunduran atau tidak berubah serta tidak berkembang. Maka mereka ingin mengangkat ‘Kadazan’ atas kesedaran bahawa taraf hidup orang Dusun rendah dan tinggal di kawasan luar bandar atau pedalaman serta bergantung kepada kegiatan pertanian (Yaakub, 1989).

Menariknya dalam polemik ini adalah penglibatan golongan agamawan dan peranan mereka dalam mengangkat “Kadazan”. Mualigh Kristian berusaha untuk mengangkat istilah Kadazan untuk kepentingan agama Kristian (Yusoff, 1997: 67). Istilah tersebut dipilih kerana kata Kristian dan Kadazan memiliki ejaan dan sebutan yang hampir sama sehingga Kadazan disinonimkan dengan Kristian. Para mualigh tidak dapat mengemukakan rasional dan sebab mengapa istilah Kadazan harus diangkat (Suraya, 2003: 62). Penglibatan golongan agamawan untuk mengangkat istilah Kadazan dapat dibuktikan melalui cadangan yang telah dikemukakan oleh Rev. Thu En Yu daripada Gereja Protestant Church Sabah (PCS) melalui sebuah tesisnya.

Kadazandusun Cultural Association (KDCA) pula telah melalui pelbagai resolusi untuk mencapai kata dalam menentukan definisi Kadazandusun bagi memastikan semua pihak berpuas hati dengan pendefinisian istilah tersebut. Pertemuan yang pertama untuk membincangkan pendefinisian KadazanDusun adalah pada 6-7 Ogos 1961 di Pusat Komuniti Jesselton yang mengkategorikan Dusun, Idahan, Paitan dan Murut sebagai Kadazan. Kemudian, pada 1989 berlaku Resolusi Kadazandusun Pertama yang mana telah memutuskan penggabungan istilah Kadazandusun bagi menyelesaikan krisis istilah ‘Kadazan’ dan ‘Dusun’. Pada tahun 1995, KDCA telah mengadakan Resolusi Bahasa Kadazandusun sebanyak dua kali iaitu pada 24 Januari 1995 untuk memutuskan bahawa Kadazandusun sebagai nama rasmi bagi bahasa Kadazandusun manakala pada 11 April 1995 KDCA memutuskan bahawa dialek rasmi bagi Kadazandusun adalah dialek Bundu Liwan.

Pada Persidangan Delagasi KDCA ke-10 yang telah berlangsung 4-5 Disember 2004, persidangan memutuskan dan mengusulkan kepada kerajaan Malaysia untuk menggunakan istilah Kadazandusun sebagai nama banga masyarakat di dalam semua dokumen pengenalan diri merangkumi kad pengenalan, sijil kelahiran atau dokumen yang berkaitan bukannya memisahkan istilah Kadazandusun kepada ‘Kadazan dan Dusun kerana kedua-dua nama tersebut merujuk kepada suku atau etnik yang sama. Perlembagaan Kadazandusun Cultural Association telah menggariskan dalam artikel 6 (1) untuk mendefinisikan orang asal atau masyarakat peribumi di Sabah kepada beberapa kumpulan etnik seperti yang berikut:

Bisaya	Kuijau	Murut	Sungei
Bonggi	Lingkabau	Nabai	Tatana
Bundu	Liwan	Paitan	Tangara
Dumpas	Lobu	Pingas	Tidong
Gana	Lotud	Rumanau	Tindal
Garo	Lundayo	Rungus	Tobilung
Ida'an	Makiang	Sinobu	Tolinting
Kadayan	Malapi	Sinorupu	Tombonuo
Kimaragang	Mangkaak	Sonsogon	Tuhawon
Kolobuan	Minokok	Sukang	Tutung

**Foto 1: Senarai Masyarakat Peribumi Sabah**

Sumber: Portal Rasmi Kadazandusun Cultural Association.

Perbincangan mengenai konseptual Kadazandusun ini bukan menjadi titik perbincangan dalam penulisan ini tetapi perkara tersebut hanya untuk menjelaskan dan memberikan pencerahan mengenai dua istilah yang berbeza iaitu Kadazan dan Dusun.

### **Teori Asal Usul Masyarakat Kadazandusun**

Masyarakat Dusun dipercayai daripada ras Mongoloid dan menggunakan yang dipercayai telah menetap di Borneo sekitar tahun 6000 sehingga 10000 tahun. Teori kemunculan manusia di Pulau Borneo menjadi asas kepada teori kemunculan masyarakat Dusun (Saimin, 2021: 14). Melalui teori tersebut, dikatakan bahawa masyarakat Bunun daripada Pulau Farmosa (Taiwan) adalah manusia terawal daripada ras Mongoloid yang telah bertapak 2500 sebelum Masihi. Masyarakat Bunun merupakan asal usul kepada orang Dusun. Hal ini didasari dengan lokasi petempatan awal mereka di sepanjang sungai Miri dan Baram, Sarawak dan Tutong dan Belait, Brunei. Kaum Kayan merupakan penduduk majoriti di Baram manakala di Miri ada komuniti Dusun tetapi dalam jumlah yang sedikit (Shim, 2007).

Beberapa teori kedatangan lain turut dikaitkan dengan kemunculan masyarakat Dusun. Misalnya, Godfrey Hewett berpandangan bahawa masyarakat Dusun adalah berasal

daripada China yang turut merupakan ras mongoloid. Teori ini muncul ekoran wujudnya persamaan dalam jenis pekerjaan dan seni bina yang ada dalam komuniti Dusun. Walau bagaimanapun, teori ini telah disangkal oleh Owen Rutter. Beliau berpandangan bahawa kehadiran China hanya sekadar membawa kebudayaannya dan menolak teori yang dikemukakan oleh Godfrey bahawa masyarakat Dusun berasal daripada China.

### **Asal Usul Nunuk Ragang**

Masyarakat Dusun mempunyai satu kebiasaan iaitu apabila memberikan nama kepada sesuatu tempat atau benda, nama yang diberikan akan mempunyai maksud yang tersirat (Fee & On, 2012: 92-96). Nunuk Ragang dipercayai diambil daripada dua perkataan dusun iaitu “nunuk” yang merujuk kepada sejenis pokok iaitu pokok banyan manakala “ragang” pula merujuk kepada warna merah. Oleh itu, Nunuk Ragang dapat didefinisikan sebagai pokok banyan berwarna merah. Walau bagaimanapun, ada juga cerita masyarakat terdahulu yang menyatakan bahawa, Nunuk Ragang bukan merujuk pokok banyan yang berwarna merah tetapi tubuh badan manusia di kawasan itu yang berwarna merah (Kg. Kaingaran Ranau, 2013).

Kewujudan Nunuk Ragang seringkali dikaitkan dengan petempatan awal masyarakat Dusun yang terawal. Penduduk Dusun di daerah Ranau amat signifikan dengan Lagenda Nunuk Ragang dan lagenda tersebut sehingga hari ini masih dapat didengar dan disebut oleh masyarakat Dusun. Menurut lagenda tersebut, pada suatu ketika dahulu, ketua kaum Dusun mempunyai seekor ayam jantan ajaib. Lebih menarik lagi, saiz ayam tersebut seperti seekor kerbau. Ayam tersebut seringkali merayau-rayau ke mana-mana tempat, namun pada waktu malam ayam itu akan tidur di atas Nunuk Ragang.

Umum mengetahui bahawa, orang Dusun signifikan dengan kegiatan penanaman padi huma. Dalam lagenda ini dikatakan bahawa, semasa orang Dusun sedang menjalankan kerja-kerja penanaman padi, mereka telah mendengar sesuatu iaitu suara manusia daripada bawah tanah. Suara tersebut sangat menghairankan mereka sehingga mereka mengambil keputusan untuk mengorek tanah tersebut. Selepas tanah itu digali, maka didapati bahawa terdapat lubang di dalam tanah tersebut yang mana lubang tersebut didiami oleh ramai orang. Ketua manusia yang tinggal di dalam lubang itu memberitahu bahawa mereka berada di kawasan itu adalah untuk merampas petempatan yang dimiliki oleh orang Dusun. Orang Dusun telah diberikan amaran, sekiranya orang Dusun tidak mahu meninggalkan tempat itu maka, manusia yang tinggal di dalam lubang itu akan membunuh orang Dusun (Low, 2005: 19-20).



**Foto 2: Pintu Masuk Nunuk Ragang**

Sumber: Uwe Aranas (2013).

Ekoran daripada keadaaan tersebut, orang Dusun telah melakukan perpindahan sehingga berlaku perpecahan penduduk Asli Nunuk Ragang. Perpecahan ini dikatakan telah membawa orang Dusun berpindah ke Kudat, Penampang, Ranau dan beberapa lagi tempat khususnya di dalam Sabah. Pemilik ayam ajaib yang juga merupakan ketua orang Dusun pula telah dibawa terbang oleh ayamnya sehingga sampai ke Ranau. Selepas tiba di

*Tugu Nunuk Ragang, Ranau: Simbol Budaya  
dan Kepercayaan Masyarakat Dusun*

Ranau, ayam ajaib tersebut telah mengais tanah tersebut sehingga tanah tersebut menjadi tanah yang rata dan luas.



**Foto 3: Bobolian dalam Pesta Nunuk Ragang**

Sumber: Murphy (2006).

Apabila kejadian ini diketahui oleh penghuni bawah tanah yang jahat, maka mereka pun datang ke Ranau untuk membunuh ayam ajaib milik ketua orang Dusun. Kehadiran mereka ke Ranau dirasai oleh ayam tersebut dan ayam itu terbang ke Tambunan sebelum orang jahat itu sempat membunuh ayam itu. Ayam ajaib sekali lagi melakukan hal yang sama seperti yang dilakukannya di Ranau. Ayam ajaib ini telah meratakan tanah di Tambunan dan terbang ke Keningau kerana orang-orang jahat itu masih lagi memburu ayam tersebut. Ayam itu, terus menetap di sana sehingga meninggal dunia akibat sakit tua. Dari sudut yang lain pula, Nunuk Ragang juga dikaitkan dengan kepercayaan Momolianisme atau Animisme (Segunda, 2004: 180-185). Nenek moyang masyarakat Dusun percaya bahawa wujudnya interaksi

antara alam dan roh di sekeliling Nunuk Ragang. Perkara ini menyebabkan Nunuk Ragang dipercayai mempunyai unsur mistik bahkan sehingga hari ini masih wujud masyarakat Dusun yang berpegang teguh kepada kepercayaan ini khususnya golongan bobolian.

Pada tahun 2004, pihak KadazanDusun Cultural Association (KDCA) telah membina tugu peringatan Nunuk Ragang yang terletak di Kampung Tampias, Ranau. Kampung ini dipercayai merupakan kampung asal masyarakat Dusun sebelum mereka berpecah ke pelbagai daerah. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini belum ada bukti arkeologi bahawa wujudnya petempatan manusia lampau yang mampu mengesahkan cerita masyarakat tempatan mengenai kawasan tersebut adalah asal mula masyarakat Dusun.

### **Potensi dan Justifikasi Tapak Nunuk Ragang**

Tugu Nunuk Ragang yang terletak di Ranau ini tidak dapat dinafikan bahawa mempunyai potensi dan kepentingannya. Bagi menjustifikasikan kepentingan tapak ini, terlebih dahulu, kita perlu melihat perkara ini dari aspek politik. Dalam konteks ini, kita dapat melihat bahawa Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA) merupakan pihak berkepentingan apabila melibatkan tugu Nunuk Ragang. KDCA merupakan antara badan bukan kerajaan yang penting dalam usaha memelihara, pembangunan, dan mempromosikan pelbagai budaya etnik KadazanDusun (KDCA Sabah, 2022). Dalam hal ini, tugu Nunuk Ragang juga merupakan salah satu tapak yang menjadi fokus untuk dibangunkan dan dipelihara. Oleh itu sekiranya tugu Nunuk Ragang melalui proses pengurusan Warisan, pihak KDCA juga antara pihak yang akan terlibat langsung dalam hal ini.

Jika dinilai dalam aspek ekonomi, tugu Nunuk Ragang sudah semestinya antara tugu yang berpotensi untuk memberikan faedah dalam aspek ekonomi. Tugu Nunuk Ragang saban tahun

akan dikunjungi oleh pelancong terutamanya sewaktu sambutan perayaan. Antara perayaan yang lazimnya akan diadakan di kawasan tugu Nunuk Ragang ini termasuklah Pesta Nunuk Ragang, iaitu acara perjumpaan tahunan bagi masyarakat Kadazan Dusun. Pesta ini bukan sahaja akan mengalakkan kehadiran masyarakat tempatan, tetapi turut menarik perhatian pelancong yang ingin melihat diversiti budaya di Sabah khususnya daerah Ranau. Perkara ini menunjukkan bahawa wujudnya potensi untuk memajukan ekonomi pelancongan melalui tugu Nunuk Ragang (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Sabah, 2022).



**Foto 4: Persembahan Okestra Sempena Pesta Nunuk Ragang**

Sumber: Murphy (2006).

Elemen penting yang wujud dalam tugu Nunuk Ragang adalah nilai simbolik. Segelintir masyarakat Dusun masih percaya bahawa Nunuk Ragang merupakan rumah asal bagi nenek moyang bangsa mereka. Hal ini menjadi indikator penting bahawa

tugu ini mempunyai nilai simbolik dalam kalangan masyarakat Dusun dan mereka masih menganggap kepercayaan terhadap Nunuk Ragang masih relevan. Nilai rohani juga antara nilai yang perlu dititikberatkan dalam melakukan penilaian ke atas tapak ini.

Walaupun masyarakat Dusun pada hari ini sudah mempunyai sistem agama yang tersusun, tetapi masih wujud masyarakat yang berpegang teguh kepada Momolianisme. Kepercayaan ini boleh dikatakan bersifat mistik kerana kepercayaan ini merupakan hubungan antara manusia dan perkara yang tidak kelihatan. Antara ritual yang masih dilakukan oleh golongan bobolian termasuklah ritual Potunguh Poluyung Porindakoh Barakat Pinabasan Om Piunungan Sompomogunan (Upacara Menuang, mengalirkan berkat kedamaian, perpaduan dan persefahaman sedunia). Ritual lazimnya ini dilakukan di sebatang sungai yang berhampiran dengan tugu Nunuk Ragang seperti Sungai Kogibangan dan Sungai Kawananan. Ritual ini dipercayai akan membuat Minamangun (Sang Pencipta) memberikan kesejahteraan ke atas dunia ini melalui darah korban binatang ternakan yang dialirkan di sungai tersebut (Ramli Carlo, 2021).

Secara tuntasnya, melalui dapatan ini, kita mengetahui bahawa tugu Nunuk Ragang sesungguhnya sangat penting dan wajar untuk diangkat sebagai sebuah tapak warisan. Potensinya secara ekonomi perlu diberikan perhatian. Tugu Nunuk Ragang mempunyai kekuatan untuk dijadikan sebagai daya tarikan pelancongan di kawasan Ranau. Setiap tahun pada minggu pertama bulan Julai, Pesta Nunuk Ragang akan dijalankan bagi memperingati asal usul masyarakat Dusun. Melalui penganjuran pesta tersebut, pelancong dalam negara dan luar negara yang hadir ke pesta tersebut dijangka akan menyumbang kepada ekonomi rakyat. Di samping itu, nilai simbolik dan rohani yang dipaparkan melalui aktiviti momolianisme dan kepercayaan terhadap nenek moyang menjadikan tugu ini tampil dengan keunikannya. Perkara ini dilihat mampu menjadi daya penarik kepada tugu Nunuk Ragang.

## **Perlindungan dan pengurusan tapak**

Tapak Tugu Nunuk Ragang mengalami dua isu utama dalam memastikan perlindungan dan pengurusannya. Pertama, adalah kekurangan kakitangan atau pekerja pengurusan. Kedua, adalah isu berkaitan dengan kos penyelenggaraan.




**Foto 5: Ruang Dalam Tugu Nunuk Ragang**  
Murphy (2006)

Oleh itu bagi memastikan perlindungan dilakukan di tapak ini, KDCA telah melakukan ujian kecacatan terhadap tugu Nunuk Ragang. Hal ini telah dilakukan April 2022 oleh KadazanDusun Cultural Association (KDCA) apabila mereka melakukan lawatan di Tugu Nunuk Ragang. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk melihat masalah-masalah yang terjadi ke atas tugu Nunuk Ragang. Lawatan ke tugu tersebut dihadiri Huguan Siou, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan merangkap Presiden KDCA Sabah, turut hadir sama untuk melakukan kajian kecacatan terhadap tugu tersebut adalah Juelber Albert, wakil daripada Majlis Daerah Ranau dan Jurutera Jabatan Air Ranau.

Dalam lawatan tersebut (Warta Oriental, 2022). Dalam lawatan tersebut ahli-ahli KDCA Ranau telah menunjukkan kepada Huguan Siou bentuk-bentuk masalah yang dihadapi oleh tugu Nunuk Ragang dan Huguan Siou turut diterangkan tentang tindakan penyelenggaraan yang akan dibuat di tugu tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa, pihak KDCA Ranau terlebih dahulu melakukan ujian kecacatan sebelum melakukan proses penyelenggaraan ke atas tugu tersebut.

### **Cadangan dan Langkah**

Dalam memastikan tugu Nunuk Ragang terus terpelihara dan terjaga, beberapa cadangan dan langkah dapat diambil untuk memberikan perlindungan, pemuliharaan dan pemeriharaan yang berterusan. Berikut merupakan antara cadangan langkah yang dapat diketengahkan untuk melindungi, memulihara dan memelihara tugu Nunuk Ragang.



**Foto 6: Penerangan Pihak KDCA tentang keadaan Nunuk Ragang**

**Sumber:** Warta Oriental (2022)  
**Penyelidikan dan Dokumentasi**

Tugu Nunuk Ragang merupakan satu monumen yang kurang dikenali oleh masyarakat sama ada di Sabah maupun masyarakat luar negeri ini. Sejarah disebalik tugu ini juga masih ramai yang tidak mengetahuinya. Oleh itu, adalah wajar bagi proses penyelidikan dan dokumentasi dilakukan ke atas tapak ini. Rasionalnya adalah kita mahu melihat satu kajian yang mendalam terhadap tinggalan budaya di kawasan tapak ini. Melalui kajian yang mendalam, hubungkait antara tugu tersebut dan sejarah masyarakat Dusun yang dipercayai pernah tinggal di kawasan tersebut dapat dibuktikan melalui kajian yang holistik dan komprehensif bagi membantu masyarakat memahami latar belakang tapak tersebut. Kita juga menyedari bahawa, amat sukar untuk kita memahami kehidupan masyarakat silam khususnya masyarakat Dusun di Nunuk Ragang. Maka dengan itu, tindakan melakukan penyelidikan dan dokumentasi membantu kita membentuk dan menggambarkan semula keadaan masyarakat silam.

## **Pendidikan dan Kempen**

Pendidikan merupakan juga salah satu langkah yang dapat diambil untuk melindungi tapak warisan yang ada. Pendidikan formal di peringkat sekolah rendah dan menengah adalah medium yang dapat digunakan untuk memupuk pelajar menghargai tapak warisan yang ada. Kesedaran pelajar di Malaysia tentang kepentingan memelihara warisan dan mereka juga menghindarkan diri daripada menyertai aktiviti-aktiviti perlindungan warisan (Azman et al, 2010: 504-511). Penemuan ini menekankan kepentingan pendidikan warisan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap warisan dan dalam mempromosikan perlindungan warisan secara lestari. Jika tidak wujud sebarang usaha untuk menjadikan pendidikan sebagai alat pemerkasaan pendidikan warisan, maka amat sukar untuk membentuk kesedaran masyarakat dari usia yang muda lagi. Di peringkat negeri Sabah, guru-guru sejarah, pensyarah atau pengamal sejarah sendiri harus memainkan peranan penting

dalam mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar dan umumnya masyarakat Sabah.

### **Pengekalan**

Pengekalan merupakan salah satu pendekatan yang diletakkan di bawah kaedah pemuliharaan. Proses ini menuntut kita untuk menjaga, melindungi dan mengekalkannya dan mengelakkan sesuatu tapak daripada menjadi rosak. Perkara ini perlu dilakukan sebagai langkah awal mencegah sebarang kerosakan ke atas tapak warisan. Tugu Nunuk Ragang dikelilingi oleh beberapa pokok yang secara semulajadinya berada di sana sejak tugu tersebut dibina. Oleh itu, kewujudannya tidak boleh diganggu. Bagi mengekalkan tugu ini sama ada dari warna, kekuatan tugu dan bahan binaannya, tugu perlu sentiasa diperiksa bagi memastikan tugu masih dalam keadaan yang sama.

### **Pencegahan**

Setiap tugu sudah tentu akan mengalami kemerosotan yang berpunca daripada agen kereputan dan kerosakan di sekeliling tapak warisan. Oleh itu, langkah pencegahan perlu diambil untuk memastikan sesuatu tapak dapat diselamatkan daripada kemerosotan. Dalam konteks tugu Nunuk Ragang, tugu tersebut berhadapan dengan agen kemerosotan semulajadi seperti hujan dan cuaca yang panas. Keadaan ini menyebabkan warna cat pada tugu mengalami hakisan dan luntur akibat perubahan cuaca yang sering berlaku.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, tugu Nunuk Ragang merupakan antara tugu atau monumen yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan

Negeri Sabah. Tugu tersebut mempunyai nilai yang penting untuk kita pertahankan bersama. Tugu ini merupakan simbolik kepada masyarakat Dusun. Mereka begitu percaya bahawa masyarakat awal bangsa Dusun khususnya nenek moyang mereka lahir dan tinggal di kawasan tersebut. Dalam hal ini kita melihat bahawa begitu penting kawasan Nunuk Ragang kepada masyarakat Dusun. Tambahan lagi, perkara ini juga menyerlahkan lagi potensi tugu Nunuk Ragang sebagai kawasan pelancongan warisan di Ranau, Sabah. Oleh itu, usaha jitu perlu diambil bagi melindungi, memelihara dan memulihara tapak tersebut.

## **Senarai Rujukan**

### **Buku dan Jurnal**

- Azizah Hamzah. 2010. Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 1-10.
- Azman, N., Halim, S. A., Liu, O. P., Saidin, S., & Komoo, I. 2010. Public Education in Heritage Conservation for Geopark Community. *Social and Behavioral Science*, 7(C), 504-511.
- Fee, L. Y., & On, L. K. 2012. Investigating the Relationship between Kadazandusun Beliefs about Paddy Spirits, Riddling in Harvest and Paddy-related Sundait. *Southeast Asia Journal of General Studies*, 92-96.
- Ismail Yusoff.1997. Politik Dan Agama Di Sabah, Bangi: Penerbit UKM.
- Jureniene, V., & Radzevicius, M. 2014. Models of Cultural Heritage Management. *Transformations in Business & Economics*, 13(2), 236-256.
- Low Kok On. 2005. Membaca Mitos Lagenda Kadazan Dusun, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Shafie Abu Bakar. (1991). Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang Berkaitan (ed. Edisi Kedua). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Yaakub Hj. Johari. 1989. Issues in the Identification and Classification of Indigenous Ethnic Groups in Sabah and Sarawak, *Sarawak Museum Journal*, 40 (60), 209-218.

Johnnatan Jolius

- Rutter. O. 1929. The Pagans of North Borneo. University of Oxford.
- Saimin Ginsari. 2022. Sejarah Migrasi Dusun di Sabah. Tuaran: Institut Pendidikan Guru Kampus Kent.
- Segunda, P. 2004. This Sacred Earth: Religion, Nature, Environment. Norway: Routledge.
- Shim, P.S. 2007. Inland People of Sabah: Before, During and After Nunuk Ragang.
- Suraya Sintang. 2003. Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat KadazanDusun di Sabah. Jurnal Usuluddin (18), 59-80.

### **Tesis**

Bede John. 1996. Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Masyarakat Kadazan/Dusun di Sabah: Tumpuan Kepada Daerah Tambunan, Bangi. (Tesis Sarjana Muda). Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **Sumber Internet**

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri, & Sabah. 2022. Meginakan Fest Unites the People. Diakses dari <https://kepkas.sabah.gov.my/moginakan-fest-unites-the-people/> pada 12 November 2022.

Portal Kadazandusun Cultural Association (KDCA). 2023. Dipetik daripada <https://www.kdca.org.my/about>. Diakses pada 12 November 2022.

### **Video**

Kg. Kaingaran Ranau. 2013. Asal Usul Nunuk Ragang. Youtube. Dipetik <https://youtu.be/0EBoQyct2T0> pada 24 Januari 2023.

Ramli Carlo. (2021). Ritual Unik Di Kg Nunuk Ragang Ranau Pada 20 April 2021. Youtube. Dipetik dari <https://youtu.be/SZgQdNs1ZN0> pada 24 Januari 2023.

*Tugu Nunuk Ragang, Ranau: Simbol Budaya  
dan Kepercayaan Masyarakat Dusun*